

22 MAY 2003

Ghani-Rangsangan

JOHOR SUMBANGKAN BANDARAYA KARGO SOKONG PAKEJ RANGSANGAN

JOHOR BAHRU, 22 Mei (Bernama) -- Johor sedia menyumbang kepada strategi pakej rangsangan ekonomi negara dengan menyediakan bandaraya kargo dan lapangan terbang di Senai ke arah menjana sumber pertumbuhan baru, kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Katanya, bandaraya itu di kawasan berhampiran Lapangan Terbang Sultan Ismail Senai di sini, merupakan sebahagian daripada komponen perkhidmatan pengangkutan bersepadu yang menjadikan Senai sebagai pusat utama pengendalian kargo di rantau ini.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada sebut kita perlu cari sumber pertumbuhan yang baru dan kita tahu bahawa perkhidmatan pengangkutan memang diperlukan oleh pasaran dunia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Guru 2003 peringkat negeri di sini, hari ini.

Abdul Ghani berkata Johor sebenarnya sedang merintis usaha untuk memelopori bidang perkhidmatan pengangkutan bersepadu itu dan pelaburan sudah pun bermula dengan wujudnya Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Pelabuhan Pasir Gudang dan tidak lama lagi bandaraya pengangkutan di Senai.

Johor akan menjadi pusat pengangkutan serantau dengan menawarkan kemudahan bersepadu pengangkutan laut melalui pelabuhan di PTP dan Pelabuhan Pasir Gudang, pengangkutan udara melalui bandaraya kargo dan lapangan terbang di Senai, pengangkutan keretapi yang menghubungkan semua kemudahan itu dan juga lebuhraya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7.3 bilion yang diumumkan semalam oleh Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, yang mengandungi 90 langkah berpandukan empat strategi utama.

"Menyebut tentang perlunya kita mengesan kemudahan di mana kita mempunyai kelebihan untuk bersaing dan mendapat tempat di pasaran dunia, di Johor misalnya kita akan memasuki 'niche' yang baru iaitu dalam bidang perkhidmatan pengangkutan bersepadu ini," kata Abdul Ghani.

Beliau berkata bidang itu juga memerlukan negara membuat pelaburan domestik untuk perkhidmatan itu yang sememangnya ada keperluan yang dikehendaki, ada nilai tambah yang tinggi dan ada nilai pasaran serta permintaan di peringkat global.

"Bidang itu merupakan sumber pertumbuhan baru... yang menjadikannya 'highly pertinent response' kepada pakej rangsangan yang diumumkan oleh Dr Mahathir," katanya.

Abdul Ghani berkata pakej rangsangan itu tepat pada masanya dan bermanfaat besar kepada negara dalam jangka panjang sekalipun kerana Malaysia tidak boleh menyandarkan usaha memastikan pertumbuhan ekonominya kepada pengaruh luaran yang tidak menentu.

Abdul Ghani berkata Pakej Strategi Baru Ekonomi itu, yang juga menyediakan dana untuk pelaburan modal pada kos yang lebih menasabah, akan membolehkan lebih banyak dan pelbagai produk pelancongan dibangunkan.

Katanya, usaha juga perlu dibuat bagi mengesan negara dan rantau asing yang lebih terbuka untuk rakyat mereka datang ke negara ini berbanding kempen promosi di negara-negara yang lebih tertutup, yang mengeluarkan 'advisory' kepada rakyatnya supaya jangan datang ke sini.

Beliau juga gembira pakej itu menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelabur kecil yang diharap dapat mengelakkan daripada terdedah kepada sumber-sumber pinjaman yang amat menekan seperti 'Ah Long' yang agak

berleluasa sekarang.

Pakej itu antara lain menyediakan kemudahan tambahan RM200 juta bagi Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan dan RM600 juta lagi bagi Tabung IKS serta RM400 juta bagi Tabung Usahawan baru.

-- BERNAMA

MNY MNY ZB